

Headline	Human Voyage rangka pelbagai aktiviti sampingan sempena LTdL 2020		
MediaTitle	MelakaKini		
Date	03 Feb 2020	Color	Black/white
Section	News	Circulation	120,000
Page No	31	Readership	360,000
Language	Malay	ArticleSize	184 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 645
Frequency	Weekly	PR Value	RM 1,935



Human Voyage rangka pelbagai aktiviti sampingan sempena LTdL 2020

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) - Penganjur Le Tour de Langkawi (LTdL) 2020, Human Voyage (M) Sdn Bhd telah merangka beberapa aktiviti sampingan bagi memeriahkan lagi kejohanan berbasikal terulung Asia berkenaan yang akan berlangsung dari enam Februari hingga 15 Februari ini.

Syarikat pengurusan acara berkenaan dalam satu kenyataan memaklumkan kesemua aktiviti sampingan itu akan diadakan di lokasi penamat perlumbaan yang terpilih, kecuali peringkat keempat di Genting Highlands.

Antara aktiviti yang dirancang ialah jualan produk usahawan Industri Kecil Sederhana (IKS), serta trak makanan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), yang akan diadakan selama dua hari berturut-turut, iaitu sehari sebelum dan pada hari perlumbaan berlangsung.

Turut dirancang ialah tayangan siaran langsung aksi perlumbaan di skrin layar bermula pukul 3.30 petang, persembahan kumpulan Drama Band, penampilan istimewa Boboiboy, pameran oleh agensi-

agensi kerajaan, pertandingan basikal dalam gelanggang (cycle ball), beyblade, pushbike, selain pertandingan dan pertunjukan gaya bebas basikal BMX.

Selain itu, aktiviti-aktiviti lain ialah pertunjukan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM), aktiviti kumpulan penaja, sukan rakyat dan tradisional, persembahan pancaragam sekolah serta persembahan tarian kebudayaan.

Human Voyage memaklumkan kesemua acara sam-pingan itu bermula pukul 9.00 pagi, sehingga berakhirnya setiap peringkat perlumbaan.

Sehingga kini, 22 pasukan termasuk satu pasukan profesional dunia dan lima pasukan Profesional Benua mengesahkan penyertaan pada edisi kali ini.

LTdL.2020 melibatkan lapan peringkat perlumbaan, bermula di Kuching dan berakhir di Pulau Langkawi, selain dua perlumbaan tambahan, iaitu Kriterium Antarabangsa Kota Kinabalu pada 6 Feb dan Malaysian International Classic Race di Pulau Langkawi pada 15 Februari.